



KERAJAAN MALAYSIA



LPKP

**PEKELILING LEMBAGA PELESENAN  
KENDERaan PERDAGANGAN  
BIL. 4 TAHUN 2010**

---

**PELUASAN OPERASI PANGKALAN DAN PENETAPAN HAD USIA  
KENDERaan TEKSI MEWAH**

**LEMBAGA PELESENAN KENDERaan PERDAGANGAN  
SEMENANJUNG MALAYSIA**

**TARIKH: 25 MEI 2010**

Semua Pengusaha Teksi Mewah Semenanjung Malaysia.

## **PELUASAN OPERASI PANGKALAN DAN PENETAPAN HAD USIA KENDERAAN TEKSI MEWAH**

### **TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai peluasan operasi pangkalan dan penetapan had usia kenderaan teksi mewah.

### **LATAR BELAKANG**

2. **Teksi Mewah** merupakan satu **kelas lesen bagi perkhidmatan pengangkutan awam** di bawah Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 (Akta 334). Akta 334 mentakrifkan Teksi Mewah sebagai '*kenderaan bermotor yang muatan duduknya tidak melebihi tujuh (7) orang (termasuk pemandu) dan dikendalikan dari suatu pangkalan tetap atau dalam suatu kawasan yang dibenarkan sebagai balasan bagi satu bayaran*'.
  
3. Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) menetapkan dasar menghadkan pangkalan teksi mewah di **hotel-hotel bertaraf 4 bintang dan ke atas** serta **satu kenderaan** didaftarkan kepada **satu pangkalan sahaja** sebagai syarat penting dalam menimbangkan permohonan lesen teksi mewah. Peraturan ini dilihat menyekat fleksibiliti perniagaan perkhidmatan teksi mewah dan dicadangkan supaya syarikat yang mendapat kontrak daripada beberapa hotel menggunakan kenderaan yang berbeza bagi setiap hotel wajar **diberi kelonggaran** untuk **menggunakan setiap kenderaan dalam syarikat**.

**berkenaan di pangkalan-pangkalan yang berbeza sebagai pelengkap kepada permintaan penumpang yang pelbagai.**

4. LPKP juga tidak menetapkan had usia kenderaan teksi mewah disebabkan oleh **jenis kenderaan yang digunakan mempunyai ketahanan yang tinggi** dan **memerlukan pelaburan yang besar** bagi pihak pengusaha. Terdapat juga pengusaha dan pemberi kontrak perkhidmatan menetapkan had usia kenderaan melalui kontrak yang telah dipersetujui. Bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan teksi mewah, adalah wajar **had usia maksimum kenderaan ditetapkan** bagi mengelakkan kenderaan tersebut digunapakai sehingga menjaskan kualiti perkhidmatan, identiti dan status kenderaan mewah berkenaan.

## **PERKARA-PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN**

5. Mesyuarat Lembaga Bilangan 17/2010 pada 10 Mei 2010 telah memutuskan supaya:

5.1 **Mbenarkan teksi mewah yang mempunyai kontrak perkhidmatan daripada beberapa hotel (pangkalan) untuk menggunakan kenderaan yang bukan dikhkususkan di hotel pangkalannya dengan syarat setiap kontrak hotel-hotel berkenaan diperolehi oleh syarikat yang sama atau kumpulan syarikat-syarikat yang sama dengan had maksimum sebanyak 5 hotel dalam negeri yang sama / kawasan yang sama; dan**

- 5.2 **had usia kenderaan** bagi perkhidmatan teksi mewah ditetapkan **sehingga 10 tahun** dan usia kenderaan dilesenkan **tidak melebihi 3 tahun** yang dikira dari **tarikh pendaftaran kenderaan**.
6. Selaras dengan keputusan ini, pihak pengusaha teksi mewah boleh hadir ke pejabat-pejabat LPKP Wilayah bagi membuat **permohonan ubah syarat tukar pangkalan** dengan mengemukakan dokumen-dokumen berikut:
- 6.1 Borang LPKP 14 yang telah lengkap diisi berserta dokumen-dokumen seperti dalam senarai semak. Sila tandakan (✓) pada jenis ubahsyarat **tukar pangkalan**;
  - 6.2 Salinan fotostat lesen yang sedang berkuatkuasa. Lesen asal perlu dikembalikan kepada pejabat LPKP yang berkenaan setelah lesen baru siap dicetak;
  - 6.3 Kontrak perkhidmatan daripada **hotel yang dikhkususkan** untuk kenderaan yang berkenaan; dan
  - 6.4 Kontrak perkhidmatan daripada **hotel bukan pangkalan** untuk kenderaan yang berkenaan dengan syarat maksimum sebanyak 5 **hotel** dan **berada dalam negeri yang sama (kecuali Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya dianggap sebagai berada dalam negeri yang sama)** .

7. Tindakan pejabat LPKP Wilayah bagi proses peluasan operasi pangkalan adalah seperti berikut:

7.1 Memasukkan perkataan di bahagian Syarat Khas Lesen seperti berikut:

**“Dibenarkan untuk mengambil dan menurunkan penumpang di (nama hotel, nama kawasan, nama negeri. Contoh: Hotel Shangri-La, Putrajaya atau Hotel Equatorial, Bangi, Selangor)” -** (sekiranya bilangan pangkalan lebih daripada satu, senaraikan mengikut nombor roman)

7.2 Kelulusan permohonan diperingkat Pengarah Wilayah.

## **SYARAT BARU PELESENAN TEKSI MEWAH**

8. Bagi pemohon lesen baru mesti melesenkan taxi mewah yang berusia **tidak lebih dari 3 tahun** dan **had usia taxi mewah** ditetapkan **tidak melebihi 10 tahun**. Syarat ini juga tertakluk kepada **permohonan membaharui lesen** yang mana **kenderaanya telah mencapai atau melebihi had usia 10 tahun**.


9. Syarat baru pelesenan di **perenggan 8** di atas **tidak terpakai** kepada pemilik lesen **taxi mewah sedia ada** apabila membuat permohonan **ubah syarat lesen KECUALI** bagi permohonan **ubah syarat lesen bagi ganti kenderaan**.

10. Usia teksi mewah adalah berdasarkan kepada tarikh pendaftaran kenderaan yang dinyatakan pada **Kad Pendaftaran Kenderaan**.

## **TARIKH KUATKUASA**

11. Arahan pekeliling peluasan operasi pangkalan dan penetapan had usia kenderaan teksi mewah mula berkuatkuasa serta merta.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”  
“RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN”**



**(DATIN NAIMAH BINTI RAMLI)**

Setiausaha  
Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan  
Semenanjung Malaysia  
Jabatan Perdana Menteri

**25 MEI 2010**

**Salinan:**

Ketua Pengarah  
Jabatan Pengangkutan Jalan,  
Aras 1-5, Blok D-4, Kompleks D,  
**62502 PUTRAJAYA.**

Pengarah JPJ Negeri/ Wilayah

Ketua Polis Trafik  
Cawangan Trafik  
Polis Diraja Malaysia  
Bukit Aman  
**50560 KUALA LUMPUR**

Ketua Pegawai Eksekutif  
PUSPAKOM  
Wisma DRB HICOM  
No. 2, Jalan Usahawan U1/8  
Seksyen U1  
40150 Shah Alam  
**SELANGOR DARUL EHSAN**

**Edaran Dalaman:**

Y.B. Datuk Pengerusi LPKP

Pengarah (LPKP) Wilayah Tengah  
Pengarah (LPKP) Wilayah Timur  
Pengarah (LPKP) Wilayah Utara  
Pengarah (LPKP) Wilayah Selatan

**Sila tampal pekeliling ini  
pada papan kenyataan  
di pejabat LPKP Wilayah.**

KPPK (D)

KPP (L)

KPP (K)